

## BAB 3 : PERSEPSI AGAMA

### Pengenalan

Secara ringkas, agama bolehlah didefinisikan sebagai:-

*"...system of belief to which a social group is committed, in which there is a supernatural object of awe, worship, and service."<sup>1</sup>*

Di sepanjang peradaban manusia, nampaknya agama telah berfungsi bukan sahaja sebagai agen berhubung dengan suatu kuasa ghaib (yang positif); tetapi juga sebagai pembentuk pandangan semesta (worldview) dan sistem nilai sesebuah peradaban.<sup>2</sup> Kedua-dua pandangan semesta dan sistem nilai ini pula membantu meletakkan garispanduan bagi seseorang individu mengenali dirinya sendiri serta berhubung dan berinteraksi dengan masyarakat di peradaban yang sama dan dari peradaban yang lain.

Boleh dikatakan bahawa asas kepada persepsi agama Gandhiji pula bertitik tolak dari pegangan agama beliau sendiri, iaitu Hinduisme. Hinduisme telah berjaya membentuk worldview beliau tentang hal-hal metafizik dan realiti

<sup>1</sup> Michael D. Harkavy (Editor-in chief), *The New Webster's International Encyclopedia*, D.S. Max, Canada, 1996, ms. 912.

<sup>2</sup> Ibid.

hidup. Oleh itu, penyelesaian kepada masalah-masalah yang timbul dalam realiti hidup beliau, samada peribadi atau politik, dibuat berdasarkan falsafah Hinduisme. Skripsi-skripsi Hindu telah berjaya membentuk suatu falsafah yang mendasari persepsi Gandhiji dalam pelbagai dimensi hidup dan dalam usaha mencari Kebenaran. Gandhiji pernah mengakui bahawa setiap kali beliau dipukul hebat oleh kancang kehidupan, beliau sentiasa berjaya mencari suatu versi dalam Bhagavad Gita yang dapat menenangkan fikiran beliau. Walau bagaimanapun Gandhiji tidak menerima skripsi-skripsi Hindu secara total. Oleh itu, beliau tidak boleh dianggap sebagai seorang ortodoks; ataupun seorang heterodoks pada masa yang sama, memandangkan kepercayaan Gandhiji terhadap ciri-ciri murni Hinduisme masih kuat. Gandhiji boleh dikatakan mempunyai ciri-ciri ortodoks dan heterodoks pada masa yang sama.

## Hinduisme

Gandhiji pernah memberitahu rakan-rakan Kristian beliau bahawa :-

*"Hinduism as I know it entirely satisfies my soul, fill my whole being and I find solace in the Bhagavad Gita which I miss even in the sermon on the Mount"<sup>3</sup>.*

Jelas, Mahatma Gandhiji mengakui bahawa beliau mempunyai hubungan yang intim dengan Hinduisme. Gandhiji turut mengakui bahawa hubungan intim ini

<sup>3</sup>

B.R. Nanda, Gandhi and His Critics, Oxford University Press, Delhi, 1985, ms. 5.

sukar diperjelaskan dengan tepat. Tetapi ianya boleh disamakan dengan hubungan dengan isteri beliau, sebagai seorang individu yang mampu menyentuh hati beliau. Petikan di bawah dapat membuktikan pendirian beliau:-

*"I can no more describe my feelings for Hinduism than for my own wife. She moves me as no other woman in the world can. Not that she has no faults. I dare say that she has many more than I see myself. But the feeling of an indissoluble bond is there. Even so, I feel for and about Hinduism with all its faults and limitations. Nothing elates me so much as the music of the Gita or the Ramayana by Tulsidas, the only two books in Hinduism I may be said to know. When I fancied I was taking my last breath, the Gita was my solace".<sup>4</sup>*

Dari petikan di atas, adalah jelas bahawa Gandhiji tidak menafikan Hinduisme ada kelemahannya dari segi praktik. Tetapi beliau mampu menjalin hubungan yang intim dengan agama ini walaupun ada kelemahan. Namun Gandhiji tidak pernah menerima segala hal berhubung dengan kepercayaan dan amalan Hinduisme. Beliau sentiasa menguji agama dengan persoalan-persoalan yang rasional. Misalnya, Gandhiji pernah menentang golongan ortodoks Hindu yang mengesahkan sistem kasta atas dasar-dasar agama. Gandhiji mengakui kelemahan sistem kasta yang dikaitkan dengan Hinduisme menjadi suatu bebanan yang besar; dan sekiranya ini berterusan, Gandhiji meragui samada kebebasan boleh dicapai oleh mereka yang berpegang kepada amalan-amalan

<sup>4</sup>

S. Radhakrishnan (Editor), *Mahatma Gandhi, Essays and Reflections On His Life and Work*, George Allen and Unwin Ltd., London, 1949, ms. 472-3.

ortodoks<sup>5</sup>. Beliau mengecam sikap konservatif golongan Hindu ortodoks dengan memetik ungkapan-ungkapan dari Veda. Salah satu daripadanya adalah:-

*"Every living faith must have within itself the power of rejuvenation".<sup>6</sup>*

Maksudnya, dalam pemikiran Gandhiji, setiap agama harus memiliki kuasa untuk memperbaharui diri; ianya tidak seharusnya statik.

Gandhiji juga tidak percaya kepada peraturan makan yang dikaitkan oleh golongan ortodoks dengan Hinduisme. Mengikut peraturan ini, setiap individu seharusnya makan dengan individu dari kasta yang sama. Mereka juga mengelakkan diri dari makan dengan individu yang memeluk agama lain. Gandhiji tidak percaya terhadap peraturan makan seperti ini. Malah beliau pernah mengeluarkan rasa kesal terhadap perbuatan sebegini.<sup>7</sup>

Selain daripada peraturan makan, Gandhiji juga tidak yakin bahawa upacara-upacara pengorbanan mengikuti ciri-ciri Hinduisme yang asal. Beliau menganggap pengorbanan kambing kepada dewi Kali itu sebagai anti-thesis

<sup>5</sup> Ibid., ms. 474. Dalam ungkapan, "Hindus will certainly never deserve freedom or get it, if they allow their noble religion to be disgraced by the retention of the taint of untouchability. And as I love Hinduism dearer than life itself, the taint has become for me an intolerable burden"

<sup>6</sup> Harijan, 28.9.35.

<sup>7</sup> S. Radhakrishnan, op-cit., ms. 471-2. Dalam ungkapan, "Unfortunately today Hinduism seems to consist merely in eating and not eating. Once I horrified a pious Hindu by taking a toast at a Mussal-man's house ... Many a man eating meat and with everybody, but living in the fear of God, is nearer his freedom than a man religiously abstaining from meat and many other things, but blaspheming God in every one of his acts".

fenomena beragama. Beliau mengakui ramai pengikut Hindu yang telah mempraktikkan upacara-upacara begini atas nama agama pada suatu masa dahulu, tetapi ini tidak bermakna ianya adalah kehendak Hinduisme. Perbuatan ini, dalam pemikiran Gandhiji tidak seiring dengan Hinduisme.

Pada sudut yang lain pula, Gandhiji menyokong amalan melindungi lembu. Beliau menganggap perbuatan menjaga dan melindungi lembu<sup>8</sup> ('cow-protection' yang menghalang penyiksaan dan pembunuhan lembu) sebagai suatu fenomena yang menarik dalam sejarah evolusi manusia. Gandhiji sangat menghormati lembu dan menyamakan fungsinya dengan karakteristik seorang ibu. Menurut beliau:-

*"The cow was in India the best companion. She was the giver of plenty. Not only did she give milk, but she also made agriculture possible ... She is the mother to millions of Indian mankind. Protection of cow means protection of the whole dumb-creation of God"*<sup>9</sup>.

Gandhiji juga tidak mengkritik penyembahan patung yang diamalkan oleh ramai pengikut Hindu, walaupun kepercayaan peribadi Gandhiji lebih cenderung kepada konsep monoteisme. Namun beliau yakin bahawa penyembahan patung dapat membantu konsentrasi ketika sembahyang. Amalan begini lebih bersifat

<sup>8</sup> Gerakan 'Cow Protection' telah dipelopori dan dipopularkan oleh Swami Dayananda Saraswati bermula di Maharashtra di kurun ke 19. Swami Dayananda telah menentang pemakanan dan pembunuhan lembu. Beliau mengajak masyarakat Hindu mengadakan reformasi sosial dan kembali kepada ajaran-ajaran Hinduisme tulen, berdasarkan Veda.

<sup>9</sup> S. Radhakrishnan, op-cit., ms. 472.

simbolik dan ianya adalah sifat semulajadi manusia. Manusia tidak boleh lari dari meletakkan unsur-unsur simbolisme seperti ini di dalam kehidupan sehariannya mereka. Amalan ini tidak salah, lagipun rumah-rumah penyembahan tuhan, samada gereja, masjid atau kuil; kesemuanya adalah simbol adanya Tuhan. Gandhiji tidak pernah memperkecilkan politeisme. Petikan di bawah membayangkan rasional di belakang pemikiran beliau:-

*"Why should one be more composed in a church than elsewhere? Images are an aid to worship. No Hindu considers an image to be God. I do not consider idol worship a sin".<sup>10</sup>*

## Agama-agama Lain

Oleh kerana Gandhiji memiliki banyak karakteristik positif seorang Hindu tulen dan oleh kerana beliau membuat pengakuan-pengakuan positif tentang Hinduisme ke atas jiwa beliau, pembaca tidak seharusnya menyimpulkan bahawa beliau memperkecilkan agama-agama lain. Sebaliknya, Gandhiji sering mengingatkan manusia bahawa yang penting, bukanlah apakah agama yang dianuti, tetapi tindak-tanduk kita sebagai manusia. Ide-ide Gandhiji tentang kepelbagaiannya agama dan kesahan setiap satunya mirip dengan ideologi Swami Vivekananda, seorang pemulih agama di India pada akhir kurun ke 19 dan awal kurun ke 20. Seperti yang diketahui umum, Gandhiji pernah membaca kitab suci Al-Quran dan sering memetik ungkapan-ungkapan dari Kitab Injil. Pemerhatian

<sup>10</sup>

Ibid., ms. 473.

dan perbandingan yang dibuat atas agama-agama besar dunia telah membolehkan beliau melihat persamaan sejagat antara mereka. Namun, Gandhiji menekankan hakikat bahawa jenis agama yang dianuti harus memberi kepuasan jiwa kepada seseorang. B. R. Nanda mengukuhkan isu ini dengan baik apabila menyebut:-

*"The study of comparative religion, the browsing on theological works, the conversations and correspondence with the learned, brought Gandhi to the conclusion that true religion was more a matter of heart than of the intellect, and that genuine beliefs were those which were literally lived".<sup>11</sup>*

Pendapat yang bernukleuskan falsafah agama yang tinggi ini, dalam realiti, kerap kali tidak dapat diterima oleh golongan yang giat menghafal kitab-kitab suci semata-mata. Gandhiji pernah mengatakan penghafalan dan ilmu tentang sebarang agama semata-mata tidak berguna sekiranya manusia tidak dapat mengamalkan kehendak-kehendak agama secara praktik. Sebab itulah Gandhiji tidak yakin dengan agama-agama yang bercorak misionari. Beliau menganggap usaha-usaha menggalakkan manusia keluar-masuk agama sebagai usaha menggalakkan suatu bentuk perjudian. Beliau menegaskan:-

*"It was the way a man lived, not the recital of a verse, or the form of a prayer, which made him a good Christian, a good Muslim, or a good Hindu".<sup>12</sup>*

<sup>11</sup>

B.R. Nanda, op-cit., ms. 9.

<sup>12</sup>

Ibid., ms. 7.

Dalam sepucuk surat kepada seorang Kristian yang merayu kepada Gandhiji untuk memeluk agama Kristian demi menyelamatkan roh beliau, Gandhiji pernah menulis bahawa Tuhan tidak terperangkap di dalam sebuah peti.<sup>13</sup> Tuhan boleh didekati menerusi berjuta-juta cara, oleh mereka yang rendah diri, dan memiliki hati yang suci. Beliau tidak percaya kepada konsep bahawa penganut-penganut agama tertentu sahaja memiliki ‘paspot’ ke alam syurga.

Dalam konteks ini, Gandhiji telah memaparkan nilai-nilai moral yang begitu tinggi sebagai seorang manusia. Beliau boleh dikategorikan sebagai seorang Hindu yang baik, seorang Kristian atau Islam yang baik, seorang Sikh yang baik sekiranya manusia menyingkirkan kepentingan kepada ‘form’ (bentuk luaran) dan menitikberatkan ‘substance’ (intipati) agama masing-masing. Nampaknya pemikiran Gandhiji sudah sampai ke suatu tahap yang tinggi di mana formula-formula pembahagian agama tidak lagi bermakna!

## Falsafah Metafizik

Gandhiji tidak percaya kepada falsafah-falsafah metafizik ataupun sebarang bentuk falsafah lain yang tidak boleh dihubungkaitkan dengan realiti kehidupan. Menurut beliau “*falsafah yang jauh dari realiti kehidupan manusia*

<sup>13</sup>

Ibid.

*adalah umpama jasad tanpa roh*<sup>14</sup>. Oleh itu, ideologi-ideologi Gandhiji tidaklah diformulasikan di menara-menara gading yang jauh dari realiti kehidupan atau dengan menolak kehidupan duniawi. Malah, intipati falsafah beliau adalah kesan langsung daripada pertembungan dengan kehidupan/realiti dari pelbagai dimensi. Jadi, metafizik yang spekulatif tidak menjadi disiplin pengkhususan beliau. Ilmu atau pengetahuan semata-mata yang tidak boleh dihubungkaitkan atau dipergunakan dalam realiti hidup, tidak menarik minat beliau. Bagi beliau ideologi agama sebegini tidak munasabah. Sebab itulah beliau mengatakan:-

*"It should be a way of life first and a way of thought only next".<sup>15</sup>*

("It" disini bermaksud falsafah metafizik atau ilmu)

Gandhiji merupakan seorang ahli falsafah jenis baru, yang tapak kakinya jelas terletak atas bumi. Beliau lebih mementingkan cara hidup yang baik, seperti juga Gautama Buddha. Seperti Buddha, Gandhiji mementingkan etika hidup. Yang bezanya Gandhiji adalah seorang theis (beragama) dan Buddha pula atheist. Manusia hanya boleh mendekati Tuhan dengan mencari jalan untuk berkhidmat untuk kemanusiaan sejagat (service to mankind).

<sup>14</sup>

Young India, 14.4.27., ms. 120. Dalam ungkapan, "Philosophy without life corresponding is like a body without life."

<sup>15</sup>

Ibid.

## Konsep Tuhan

Gandhiji bermula dengan konsep Tuhan yang ‘Omnipresent’ (menyelubungi segala alam) yang bagi beliau adalah, samada satcid-ánanda atau Brahman atau Rama ataupun Kebenaran (Truth) itu sendiri. Ide tentang Tuhan yang ‘Omnipresent’ ini telah diwarisi dari keluarga beliau terutamanya daripada ibu beliau, dari pengaruh ideologi Tolstoy dan diskusi rohaniah dengan Raychandbai, seorang rakan karib beliau. Ide Gandhiji tentang Tuhan ini boleh disamakan dengan pandangan Ram Mohan Roy bahawa Tuhan berada di mananya sahaja dan tidak semestinya didekati di tempat-tempat penyembahan semata-mata.

Bagi Gandhiji, Tuhan juga adalah bersifat transenden. Menurut beliau:-

*“I do dimly perceive that whilst everything around me is ever changing, even dying, there is underlying all that change a living power that is changeless, that holds together, that creates, dissolves and recreates. That informing power or spirit is God. And since nothing else I see merely through the senses can or will persist, He alone is. And is this power benevolent or malevolent? I see it as purely benevolent, for I can see that in the midst of death life persists, in the midst of untruth truth persists, in the midst of darkness light persists. Hence I gather that god is Life, Truth, Light. He is the Supreme Good”<sup>16</sup>*

<sup>16</sup>

Young India, 11.10.28, ms. 340.

Apabila dikaji dengan terperinci, pandangan di atas menggambarkan konsep Tuhan dan pegangan agama Gandhiji yang lebih mirip kepada fahaman Vaishnava. Ini merupakan pendapat Dr. D.M. Datta dan Prof. Benoy Gopal Ray yang menyatakan:-

*"...his philosophy is more or less the Vaishnava philosophy".<sup>17</sup>*

Secara keseluruhannya, walaupun pandangan Gandhiji menyentuh aspek-aspek tentang Tuhan yang infinit, sempurna, mutlak dan sebagainya tetapi pada masa yang sama Tuhan dianggap melampaui jangkaan dan daya fikiran manusia. Jelas bahawa pandangan Gandhiji di ungkapan terakhir petikan di bawah menunjukkan adanya unsur-unsur ini: Perkataan tersebut digariskan.

*"God is that indefinable something which we all feel but which we do not know. To me God is Truth and love, God is ethics and morality. God is fearlessness, God is the source of Light and Life and yet He is above and beyond all these God in conscience. He is even the atheism of the atheist ... He transcends speech and reason ... He is a personal God to those who need his personal presence. He is embodied to those who need His touch. He is the purest essence. He simply is to those who have faith. He is all things to all men. He is in us and yet above and beyond us ... He is long-suffering. He is patient but He is also terrible ... He is the greatest democrat the world knows ... He is the greatest tyrant ever known ... We are not, He alone IS".<sup>18</sup>*

<sup>17</sup> Benoy Gopal Ray, *Gandhian Ethics*, Navajivan Publishing House, Ahmedabad, 1950, ms. 3-4.

<sup>18</sup> *Young India*, 5.3.25, ms 81.

Sekali lagi dari ungkapan ini jelas bahawa Gandhiji adalah seorang Hindu yang lebih mementingkan ‘substance’ dari ‘form’.

Suatu isu yang menjadi persoalan pada ketika ini ialah adakah Tuhan bersifat personal dalam pemikiran Gandhiji? Gandhiji pernah mengatakan,

*“God is not a person because God is an Idea, Law himself”.*<sup>19</sup>

Tetapi adakalanya beliau merujuk kepada Tuhan sebagai ‘Dia’. Susah untuk cari kata putus kerana dari satu segi Gandhiji melihat Tuhan sebagai undang-undang dan kebenaran; dan di sudut yang lain pula sebagai personaliti. Sekiranya Tuhan adalah Kebenaran dan Undang-undang, kenapakah perlu bagi Gandhiji merujuk kepada Tuhan sebagai “Dia” (“He”)? Jadi, boleh disimpulkan bahawa Gandhiji memberi kedua-dua sifat personal dan impersonal kepada Tuhan.

## Roh

Gandhiji mengakui kewujudan roh dalam jasad. Beliau percaya bahawa roh ini bersumberkan Tuhan (Godhead). Walaupun jasad mampu dimusnahkan, roh tidak tertakluk kepada kemasuhan. Ianya mampu terus wujud. Hampir kesemua cabang-cabang tradisi India percaya kepada kewujudan roh. Di dalam

<sup>19</sup>

Harijan, 23.3.40, ms. 55.

tradisi Hindu, roh dikenali sebagai ‘átman’ ‘purusa’ atau ‘jiva’.<sup>20</sup> Kepercayaan kepada konsep roh ini telah memberi kekuatan psikologi kepada Gandhiji apabila menghadapi masalah-masalah tertentu di dalam kehidupan beliau. Misalnya, Gandhiji dalam saat-saat tertentu tidak mengendahkan jasad dan sanggup derita dari segi fizikal; kerana beliau lebih mengutamakan pencapaian atau kejayaan roh. Idea ini jelas dalam petikan berikut:-

*“With the knowledge that the soul survives the body, he, the Satyagrahi is not impatient to see the triumph of truth in the present body. Indeed, victory lies in the ability to die in the attempt to make the opponent see the truth which the Satyagrahi for time being expresses”.*<sup>21</sup>

Kepercayaan bahawa roh tidak boleh dimusnahkan juga menjadi asas kepada kepercayaan beliau terhadap konsep-konsep karma<sup>22</sup> (pahala atau dosa yang dipikul oleh roh) dan kelahiran semula (kelahiran semula roh dalam jasad yang baru/berbeza). Ini tidaklah menghairankan, memandangkan Gandhiji lahir dan

<sup>20</sup> Buddhadeva Bhattacharya, Evolution of the Political Philosophy of Gandhi, Calcutta Book House, Calcutta, 1969, ms. 88.

<sup>21</sup> S. Ganesan, Speeches and Writings of M.K. Gandhi, Madras, 1934, ms. 504.

<sup>22</sup> Definisi lengkap yang diberikan oleh S. Radhakrishnan tentang Karma adalah:-

“The theory of karma recognises the rule of law not only in outward nature, but also in the world of mind and morals. ... The principle of Karma insisted on the primacy of the ethical and identified God with the rule of Law. All’s law, yet all’s God. Karma is not a mechanical principle but a spiritual necessity ... Sin is not so much a defiance of God as a betrayal of self. We carry with us the whole of our past. It is an inevitable record which time cannot blur nor death erase. ... The principle of Karma reckons with the material or the context in which an individual is born. While it regards the past as determined, the future is only conditioned. The spiritual element in man allows him freedom within the limits of his nature ... The cards in the game of life are given to us. We do not select them. They are traced to our past Karma, but we can call as we please, lead what suit we will, and as we play, we gain and lose. And there is freedom”. Dipetik dari S. Radhakrishnan, The Hindu view of Life, George Allen and Unwin Ltd., London, 1948, ms. 72- 6.

diperbesarkan di dalam sebuah keluarga yang berpegang teguh kepada tradisi-tradisi Hinduisme. Karma yang dipikul oleh roh akan menentukan syarat-syarat kelahiran semula roh tersebut dan selagi roh itu dilahirkan semula, ianya masih menanggung dosa. Oleh itu menjadi impian setiap penganut Hindu, termasuk Gandhiji untuk mencapai kesempurnaan supaya tidak dilahirkan semula. Menurut Gandhiji:-

*"The law of Karma is inexorable and impossible of erosion. There is thus hardly any need for God to interfere. He laid down the Laws and as it were retired".<sup>23</sup>*

*"I am a believer in previous births and rebirths".<sup>24</sup>*

*"I believe in rebirth as much as I believe in the existence of my present body".<sup>25</sup>*

## **Adakah Gandhiji Seorang Mistik?**

Sarjana-sarjana seperti Romain Rolland dan Dr. Dhawan berpendapat bahawa Gandhiji adalah seorang mistik dan pernah melalui pengalaman mistikal.<sup>26</sup>

---

<sup>23</sup> Young India, 21.4.27.

<sup>24</sup> Harijan, 18.8.40, ms. 253.

<sup>25</sup> Harijan, 15.2.48, ms. 33.

<sup>26</sup> Buddhadeva Bhattacharyya, op-cit., ms. 95.

Gandhiji sendiri merasai bahawa ada suatu suara kecil dalam diri beliau dan kelantangan suara ini bertambah mengikut penambahan umur beliau<sup>27</sup> Adakah ini bermakna Gandhiji adalah seorang mistik? Dan suara kecil itu adalah suara Tuhan, atau adakah ini suara hati beliau sendiri? Apakah ini kerana kehidupan Gandhiji penuh dengan tragedi-tragedi eksternal dan oleh itu gejala ini lebih bersifat psikologi? Adakah suara kecil ini memadai untuk disifatkan sebagai pengalaman mistikal? Persoalan ini susah dijawab kerana penyelidikan secara saintifik tidak mampu dijalankan. Pembuktian psikologi sahaja tidak memadai. Apabila ditanya adakah beliau mengalami pengalaman mistik, Gandhiji menjawab beliau tidak melihat sebarang imej atau bentuk ... tetapi pasti akan suara yang mendorong dan memimpin beliau.<sup>28</sup>

Bagi Gandhiji, suara kecil ini adalah suara Tuhan. Apabila bercakap tentang puasa beliau, pada bulan September 1932, beliau telah menulis bahawa:-

*"For me the Voice of God, of Conscience, of Truth, or the Inner Voice or 'the still small voice' mean one and the same thing. I saw no form. I have never tried, for I have always believed God to be without form".<sup>29</sup>*

<sup>27</sup> Harijan, 6.5.33., ms. 4. Dalam ungkapan, "My claim to hear the inner Voice of God is no new claim. Unfortunately there is no way that I know of proving the claim except through results. His voice has been increasingly audible as years have rolled by".

<sup>28</sup> Gopinath Dhawan, *The Politics of Mahatma Gandhi*, Navajivan Publishing House, Ahmedabad, 1951, ms. 47. Dalam Ungkapan, "if by mystical experience you mean visions, no ... But I am very sure of the voice which guides me".

<sup>29</sup> Harijan, 8.7.33., ms. 4.

## Penutup

Pemikiran Gandhiji tentang agama tidak lain dan tidak bukan berasal dari konsep-konsep Vaisnava dalam Hinduisme. Namun, Gandhiji bukanlah seorang ortodoks Hindu. Beliau lebih mementingkan falsafah yang terkandung dalam sesebuah agama. Gandhiji melihat Tuhan dalam ‘kemanusiaan’ dan cara yang beliau pilih untuk sampai kepada Tuhan adalah dengan berkhidmat untuk kemanusiaan tersebut.

Walaupun seringkali mengucap “Ram”, beliau tidak percaya bahawa Tuhan berupa. ‘Ram’ dalam fikiran beliau merujuk kepada Tuhan yang transenden dan ‘Omnipresent’, bukan Rama, suami kepada Sita Dewi mengikut epik tradisi Hindu. Pemikiran Gandhiji tentang agama lebih bersifat monoteistik. Tuhan yang dirujuk dan disebut oleh Gandhiji adalah Tuhan yang Satu atau Esa. Tuhan itu adalah ‘Kebenaran’. Menurut Gandhiji, Hinduisme mengajar manusia mendekati Tuhan mengikut agama, kepercayaan dan dharma masing-masing; dengan cara ini Hinduisme mampu hidup secara aman, seiring dengan agama-agama lain. Beliau tidak percaya kepada keagungan satu agama berbanding dengan yang lain. Semua agama, merupakan jalan-jalan yang walaupun berbeza, tetapi menuju ke destinasi yang sama, iaitu Tuhan.